

RM4.3 juta saring PATI

Kos untuk saring 14,496 PATI bagi kesan Covid-19 di 14 depot seluruh negara

KUALA LUMPUR

Kerajaan perlu membelanjakan sekurang-kurangnya RM4.3 juta untuk melakukan saringan koronavirus (Covid-19) ke atas 14,496 warga asing yang ditahan di 14 Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara.

Ia berdasarkan anggaran kos RM300 bagi setiap seorang yang menjalani saringan termasuk swab test atau calitan tekak untuk sekali saringan.

Sekiranya saringan dijalankan

kan lebih daripada sekali, kos yang ditanggung untuk warga asing berkenaan menjadi lebih tinggi, malah ia belum mengambil kira pembiayaan bagi rawatan.

Pada masa yang sama, kerajaan turut membelanjakan lebih RM5.2 juta sebulan bagi menampung kos makanan.

Jumlah itu adalah bersamaan RM173,952 untuk keseluruhan tahanan Pendaung Asing Tanpa Izin (PATI) atau RM12 sehari bagi setiap seorang. Kebanyakannya daripada mereka terpaksa berada di depot dalam tempoh sebulan hingga dua bulan sebelum dihantar pulang ke negara masing-masing.

Setiap hari, PATI akan diberikan makan empat kali iaitu sarapan, makan tengah hari, minum petang dan makan malam. Menunya juga diluluskan oleh Kementerian Dalam Ne-

geri (KDN) atas nasihat Kementerian Kesihatan.

Kos itu tidak termasuk pembiayaan sejumlah 382 PATI yang sedang dirawat kerana dijangkiti Covid-19 dari tiga Depot Tahanan Imigresen yang terletak di Semenyih, Bukit Jalil dan Sepang.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud dalam satu kenyataan kelmarin berkata, daripada jumlah itu, 110 PATI yang positif Covid-19 sudah dihantar ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) untuk rawatan.

Pada masa yang sama, katanya, seramai 238 pegawai Imigresen yang bertugas di tiga depot tahanan terabit dikenakan perintah kuarantin selama 14 hari dan tugas kawalan diambil alih pegawai imigresen negeri yang berkaitan.

Setakat September tahun lalu, seramai 41,041 warga asing dari pelbagai negara telah diusir pulang oleh Jabatan Imigresen atas pelbagai kesalahan, majoriti adalah kerana masuk ke negara ini dengan cara haram.

Untuk rekod, sebanyak 137 pintu masuk sah negara yang ditadbir urus oleh Jabatan Imigresen di seluruh negara.

Berdasarkan laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Oktober 2019, dianggarkan RM1.17 bilion digunakan bagi



Menu yang disediakan di Depot Tahanan Imigresen diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri atas nasihat Kementerian Kesihatan.

mengurus hal ehwal imigresen.

Selain itu, kerajaan juga telah melancarkan program Back For Good (B4G) pada hujung tahun lalu bagi memberi peluang kepada PATI pulang ke negara masing-masing dengan cara sah tanpa dikenakan sebarang tindakan.

Setakat 1 Januari 2020, seramai 165,040 PATI sudah dihantar pulang melalui program itu. Lima negara merekodkan jumlah PATI paling ramai berdaftar antaranya Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India dan Pakistan.

Senarai Depot Imigresen

- Depot Imigresen Ajil, Terengganu
- Depot Imigresen Bekenu, Sarawak
- Depot Imigresen Belantik, Kedah
- Depot Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- Depot Imigresen Juru, Pulau Pinang
- Depot Imigresen KLIA
- Depot Imigresen Langkap, Perak
- Depot Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan
- Depot Imigresen Machap Umboo, Melaka
- Depot Imigresen Pekan Nenas, Johor
- Depot Imigresen Semenyih, Selangor
- Depot Imigresen Semuia, Serawak
- Depot Imigresen Tanah Merah, Kelantan
- Depot Imigresen Sepang, Selangor



Kakitangan depot menyediakan makanan untuk PATI empat kali setiap hari iaitu sarapan, makan tengah hari, minum petang dan makan malam.